



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN

GARIS PANDUAN

ETIKA BERPAKAIAN DAN
PENAMPILAN BEKERJA DI
PEJABAT/AGENSI KERAJAAN

TAHUN
2017

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	OBJEKTIF	1
2	PANDUAN PAKAIAN KETIKA BERTUGAS • LOUNGE SUIT • TWO PIECE SUIT PANT • THREE PIECE SUIT PANT	2
	PAKAIAN PEJABAT • KEMEJA, SELUAR DAN TALI LEHER • BAJU BATIK • PAKAIAN KEBANGSAAN • BAJU KORPORAT PPTG WP • BAJU SERAGAM (PEMBANTU OPERASI) • BAJU SERAGAM (PENGAWAL KESELAMATAN) • BAJU SERAGAM (PENGHANTAR NOTIS) • BAJU SERAGAM (PENGUATKUASAAN) • BAJU SERAGAM (PEMANDU) • KASUT • TAG NAMA DAN KAD AKSES PINTU	3 4 5 6 7 8 9 10
3	AKSESORI DAN PERKARA YANG DILARANG • RAMBUT, JANGGUT, MISAI DAN KUKU • TINDIK TELINGA (LELAKI) DAN SUBANG (PEREMPUAN) • RANTAI, CINCIN DAN GELANG TANGAN • TALI PINGGANG DAN JAM TANGAN • SOLEKAN DAN WANGIAN • KEMEJA BERLENGAN PENDEK/BAJU T-SHIRT BERCETAK • PAKAIAN KETAT/FABRIK JARANG/MENCOLOK MATA • PASHMINA DAN BAJU SEJUK • BEG TANGAN DAN BEG GALAS • CAPAL	11
4	TIPS TAMBAHAN	12
5	RUJUKAN	13
6	PENUTUP	14

OBJEKTIF

Garis panduan ini diterbitkan untuk dijadikan rujukan kepada penjawat awam seluruh kakitangan PPTG WP supaya wujud keseragaman (*uniformity*) dan konsistensi dalam tatacara berpakaian dan penampilan diri bagi melahirkan imej korporat PPTG WP.

Panduan ini menjelaskan secara terperinci mengenai tatacara berpakaian berdasarkan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh agensi pusat.

Penjawat awam serta kakitangan kontrak PPTG WP hendaklah memberi perhatian serius terhadap perkara ini kerana kegagalan mematuhi peraturan-peraturan ini boleh menyebabkan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

PANDUAN PAKAIAN KETIKA BERTUGAS

LOUNGE SUIT


LELAKI

1. Gabungan 2/3-pieces suit yang terdiri daripada Kot dan seluar panjang
2. Sut perlu dipadankan dengan kemeja lengan panjang dan tali leher
3. Warna dan jenis kain perlu sepadan
4. Warna sut yang digalakkan adalah warna hitam



WANITA

1. Gabungan 2/3-pieces suit yang terdiri daripada kot dan kain labuh / paras lutut
2. Sut perlu dipadankan dengan kemeja lengan panjang yang dibutangkan / cuff link
3. Warna dan jenis kain perlu sepadan
4. Warna sut yang digalakkan adalah warna gelap
5. Labuh baju perlu melepasi paras punggung



PAKAIAN PEJABAT

LELAKI – KEMEJA DAN SELUAR




1. Kemeja haruslah berkolar dan berlengan panjang
2. Hendaklah dibutangkan / *cuff link*
3. Warna kemeja yang digalakkan adalah warna lembut/pastel
4. Kemeja berjalur/bercorak seeloknya dipadankan dengan tali leher tanpa corak dan sebaliknya
5. Kemeja haruslah dipadankan dengan seluar *slack* yang berwarna hitam serta tali pinggang juga berwarna hitam



LELAKI – TALI LEHER

1. Ikatan tali leher yang sesuai adalah sampul tiga
2. Kedudukan pin tali leher adalah dibahagian tengah saku baju.
3. Jika memakai *lounge suit*, tempat pin yang sesuai adalah searas atas saku baju
4. Jika mengenakan kain sapu tangan, tali leher hendaklah dipadankan dengan corak yang sama
5. Hujung kepala tali leher seeloknya mencecah bahagian *buckle* tali pinggang
6. *Buckle* tali pinggang haruslah yang bersesuaian dan tanpa corak / logo



PAKAIAN BAJU BATIK DAN URUSAN RASMI

1. Pemakaian baju Batik adalah WAJIB dipakai di pejabat pada setiap hari Khamis
2. Batik yang dipakai hendaklah bercirikan Batik Malaysia sahaja
3. Bagi lelaki, batik haruslah dipadankan dengan seluar *slack* yang berwarna gelap (cth: hitam/biru gelap)
4. Bagi perempuan, batik haruslah dipadankan dengan tudung yang bersesuaian warna atau tanpa corak
5. Digalakkan membawa baju batik semasa menghadiri urusan rasmi di luar negara dan memakainya di majlis yang bersesuaian. Ini bagi melambangkan identiti dan imej Malaysia



Makluman

Arahan **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008** telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis

PAKAIAN BAJU KEBANGSAAN / TRADISIONAL

LELAKI

1. Pemakaian baju kebangsaan / tradisional adalah termasuk :
 - a. Baju Melayu lengkap (bersamping, bersongkok hitam dan berbutang)
 - Digalakkan memakai pada hari Jumaat bagi lelaki
2. Baju Melayu TIDAK DIBENARKAN dipakai dengan seluar *slack* atau seluar yang berlainan jenis warna atau kain
3. Baju Melayu TIDAK DIBENARKAN dipakai dengan selipar melainkan untuk ke Solat Jumaat




WANITA

1. Pemakaian baju kebangsaan / tradisional adalah termasuk :
 - a. Baju Kurung
 - b. Baju Kebaya/Kebarung
 - c. Sari
 - d. Cheongsam (lengan panjang dan kain labuh)
 - e. Sut Punjabi
2. Baju kurung / kebaya / kebarung hendaklah dipakai mengikut keselesaan (TIDAK DIBENARKAN terlalu ketat dan kelabuhan paras yang bersesuaian)
3. Baju kurung / kebaya / kebarung hendaklah tidak keterlaluan serta tidak menggunakan fabrik yang jarang
4. Sari dan Cheongsam hendaklah dipakai mengikut keselesaan serta bersesuaian dan sopan



PAKAIAN BAJU KORPORAT JABATAN

1. Pemakaian baju Korporat adalah WAJIB dipakai di pejabat pada setiap hari Selasa
2. Baju Korporat bagi lelaki hendaklah dipakai dengan seluar *slack* berwarna gelap (cth: hitam/biru gelap)
3. Baju Korporat bagi perempuan hendaklah dipakai dengan kain labuh atau seluar *slack* berwarna coklat gelap/hitam
4. Bagi perempuan, baju korporat haruslah dipadankan dengan tudung yang bersesuaian warna atau tanpa corak
5. Tag Nama tidak perlu dipakai bersama



PAKAIAN SERAGAM – PEMBANTU OPERASI

1. Pakaian seragam yang dibekalkan kepada Pembantu Operasi hendaklah dipakai ketika berada di pejabat dan sepanjang menjalankan tugas di luar.
2. Pakaian seragam bagi lelaki hendaklah dipakai dengan seluar *slack* berwarna gelap (cth: hitam/biru gelap)
3. Pakaian seragam bagi perempuan hendaklah dipakai dengan kain labuh atau seluar *slack* berwarna gelap (cth: hitam/biru gelap)
4. Pakaian seragam hendaklah dipakai dengan kasut bertutup berwarna hitam
5. Bagi perempuan, pakaian seragam haruslah dipadankan dengan warna atau corak tudung yang bersesuaian

LELAKI



WANITA



PAKAIAN SERAGAM – PENGAWAL KESELAMATAN

1. Pakaian seragam yang dibekalkan kepada Pengawal Keselamatan hendaklah dipakai ketika menjalankan tugas semasa berada di pejabat
2. Pakaian seragam ini hendaklah dipakai dengan kasut bertutup



PAKAIAN KORPORAT/SERAGAM – PENGHANTAR NOTIS



1. Pakaian seragam yang dibekalkan kepada Penghantar Notis hendaklah dipakai ketika berada di pejabat dan semasa menjalankan tugas di luar
2. Pakaian seragam ini hendaklah dipakai dengan seluar *slack* berwarna gelap (cth: hitam/biru gelap)
3. Pakaian seragam ini hendaklah dipakai dengan kasut bertutup

PAKAIAN SERAGAM – PENGUATKUASA

1. Pakaian seragam (*Vest*) yang dibekalkan hendaklah dipakai ketika berada di pejabat dan semasa menjalankan tugas di luar
2. Vest ini hendaklah dipakai dengan seluar *slack* berwarna hitam
3. Vest ini hendaklah dipakai dengan kasut bertutup berwarna hitam
4. Vest ini hendaklah dipakai di luar baju kemeja (pakaian pejabat) dan berbutang



PAKAIAN SERAGAM – PEMANDU



1. Pakaian seragam yang dibekalkan kepada Pemandu hendaklah dipakai ketika berada di pejabat dan semasa menjalankan tugas di luar
2. Pakaian seragam ini hendaklah dipakai dengan kasut bertutup

KASUT

LELAKI

1. Bertutup dan bertali
2. Berwarna hitam / gelap
3. Jenis kulit / PVC / setara
4. Bertumit digalakkan (0.5" – 1.0")
5. Bersih dan berkilat
6. Dipakai dengan sarung kaki berwarna hitam/gelap




PEREMPUAN



1. Bertutup
2. Berwarna hitam / gelap
3. Jenis kulit / PVC / setara
4. Bertumit digalakkan (0.5" – 2.0")
5. Bersih
6. Dipakai dengan sarung kaki yang sesuai berwarna kulit

TAG NAMA DAN KAD AKSES PINTU

1. Sentiasa memakai Tanda Nama serta Kad Akses pintu pejabat ketika dan semasa bertugas
2. Ukuran saiz tanda nama adalah 7.5cm (panjang) x 2.5cm (tinggi) dan berlatar belakang warna hitam serta tulisan putih (piawai sedia ada)
3. Tanda nama berlogo PPTG WP adalah tertakluk kepada kebenaran Pengarah
4. Kad akses pintu yang dibekalkan kepada semua kakitangan perlu sentiasa dipakai dan kehilangan kad tersebut boleh dikenakan denda.



KEKEMASAN DIRI : AKSESORI DAN PERKARA ETIKA BERPAKAIAN YANG DILARANG

RAMBUT, JANGGUT, MISAI DAN KUKU

Rambut lelaki WAJIB dipotong pendek (belakang – tidak mencecah kolar baju).

Rambut, janggut dan misai perlu sentiasa disisir rapi.

Rambut berekor, mencacak, *punk* atau *skinhead* adalah DILARANG sama sekali.

Kuku haruslah kelihatan bersih dan dipotong pendek.

Lelaki adalah DILARANG mewarna rambut dan warna yang tidak keterlaluan bagi perempuan.

TINDIK TELINGA (LELAKI) DAN SUBANG (PEREMPUAN)

Lelaki DILARANG untuk menindik telinga dan pemakaian subang bagi perempuan haruslah bersaiz sederhana dan tidak keterlaluan

RANTAI, CINCIN DAN GELANG TANGAN

Sederhana serta tidak terlalu sarat

TALI PINGGANG DAN JAM TANGAN

Warna tali pinggang sepadan dengan warna kasut dan kepala tali pinggang yang berbentuk/berlogo adalah DILARANG. Jam tangan haruslah bersesuaian.

SOLEKAN DAN WANGIAN

Solekan yang sederhana dan tidak keterlaluan, bersesuaian dengan situasi dan majlis.

Bagi wangian, bau pilihan haruslah yang lembut dan minimal bersesuaian dengan keadaan bagi mengelakkan situasi kurang menyenangkan.

KEMEJA BERLENGAN PENDEK/ BAJU T-SHIRT BERCETAK

Pemakaian sebegini adalah DILARANG kecuali yang dibenarkan oleh pihak pengurusan untuk program / aktiviti yang ditetapkan

PAKAIAN KETAT / FABRIK JARANG / MENCOLOK

Pemakaian sebegini adalah DILARANG sama sekali

PASHMINA DAN BAJU SEJUK

Pemakaian adalah diruang / meja kerja sahaja. DILARANG memakai ketika berurusan dengan orang awam. Digalakkan memakai kot/*blazer*

BEG TANGAN DAN BEG GALAS

Beg tangan/galas yang bersesuaian dari segi saiz dan bentuk

CAPAL

Capal boleh dipakai bersama-sama baju melayu sahaja

TIPS TAMBAHAN

LELAKI

- Bagi mereka yang bertubuh gempal, digalakkan memilih pakaian yang bercorak jalur menegak supaya dapat memberi impresi tubuh yang lebih tinggi dan kecil.
- Bagi mereka yang kurus, digalakkan memilih pakaian yang bercorak jalur melintang supaya dapat memberi impresi tubuh yang sedikit berisi.
- Elakkan memakai kemeja daripada fabrik yang jarang dan berkilat.
- Adalah DILARANG untuk memakai seluar jenis *khakis*, *kargo* atau *palazzo*

WANITA

- Bagi mereka yang bertubuh gempal, digalakkan memilih pakaian yang bercorak jalur menegak atau berbunga kecil supaya dapat memberi impresi tubuh yang lebih tinggi dan kecil.
- Bagi mereka yang kurus, digalakkan memilih pakaian yang bercorak jalur melintang atau berbunga besar supaya dapat memberi impresi tubuh yang sedikit berisi.
- Baju kurung hendaklah tidak melebihi tiga(3) kombinasi warna bagi menampilkan imej korporat serta boleh dipadankan dengan *shawl* atau selendang mengikut warna dan corak yang bersesuaian
- Skirt labuh potongan pensil dapat memberikan kesan penampilan yang kemas dan menarik untuk semua potongan tubuh
- Wanita mengandung diwajibkan memakai pakaian mengandung yang labuh dan longgar supaya selesa. Memakai *blaus* melepasi paras punggung dan dipadankan dengan *skirt* labuh yang longgar, *maxi* dan jubah labuh adalah digalakkan.
- Wanita mengandung digalakkan memakai kasut bertumit rendah
- Pemakaian jubah adalah DILARANG sama sekali sehingga surat pekeliling daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dikeluarkan menyatakan pemakaian jubah sebagai pakaian semasa bekerja.

RUJUKAN

Buku Garis Panduan Etika dan Penampilan Pemakaian ke pejabat ini adalah tertakluk kepada arahan sedia ada yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

- Surat pekeliling perkhidmatan bilangan 8 tahun 1975 – Pindaan surat pekeliling bilangan 1 mengenai pakaian bekerja dan semasa menghadiri upacara rasmi bagi pegawai-pegawai kerajaan
- Pekeliling perkhidmatan bilangan 2 tahun 1985 – Pakaian Masa bekerja dan semasa menghadiri upacara rasmi bagi Pegawai Awam
- Peraturan – peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
- Surat pekeliling perkhidmatan bilangan 1 tahun 2006 – Fesyen pakaian alternatif sebagai pakaian semasa bekerja dan menghadiri upacara rasmi
- Surat pekeliling perkhidmatan bilangan 1 tahun 2008 – Pemakaian pakaian Batik Malaysia oleh pegawai awam pada Hari Khamis
- Arahan pentadbiran jabatan yang telah diputuskan melalui mesyuarat

Makluman

Keperluan untuk memakai selipar/sandal adalah dikecualikan kepada yang mempunyai masalah kesihatan di bahagian kaki. Sila kemukakan surat daripada doktor bagi mengelakkan tindakan dikenakan.

PENUTUP

Semoga penerbitan Buku Garis Panduan Etika dan Pemakaian Ke Pejabat ini dapat dijadikan panduan yang lengkap kepada semua warga PPTG WP mengenai etika dan tatacara berpakaian ke pejabat ketika bertugas.

Amalan berpakaian yang kemas adalah penting untuk merealisasikan hasrat Jabatan Perdana Menteri untuk menjadikan warga PPTG WP sebagai agensi barisan hadapan yang mempunyai penjawat awam yang berimej unggul dan profesional pada setiap masa.

Disahkan oleh :

A handwritten signature in black ink, featuring a series of loops and a large, sweeping flourish that extends to the right.

.....
(Syed Mohamad Al Adros bin Tuan Muning, KMN)

Timbalan Pengarah Tanah Dan Galian

Sektor Khidmat Pengurusan

DISEDIAKAN OLEH :



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN
ARAS G-6, RUMAH PERSEKUTUAN,
JALAN SULTAN HISHAMUDDIN,
50678 KUALA LUMPUR (W.P.)
03-2610 3319/3314/3471
www.ptgwp.gov.my